

Pengenalan Mengenai Pengurusan Cuti, Gantian Cuti Rehat dan Buku Perkhidmatan

Adakan anda tahu berkenaan dengan hak anda dari segi cuti?

Adakah anda tahu tata tertib yang berkaitan dengan buku perkhidmatan?

Pengenalan

Pengurusan Cuti, Gantian Cuti Rehat dan Pengurusan Buku Perkhidmatan adalah merupakan satu tanggungjawab yang amat penting di Bahagian Sumber Manusia di setiap organisasi. Ia merupakan satu asas utama atau dokumen rujukan utama dalam merekodkan maklumat peribadi dan perkhidmatan pegawai mulai tarikh dilantik sehingga perkhidmatannya berakhir sama ada disebabkan oleh persaraan, meninggal dunia, dibuang kerja, meletak jawatan atau ditamatkan perkhidmatan, maka ia perlu diuruskan dengan baik, teratur dan sentiasa dikemaskini. Disamping itu, perekodan berkaitan pengurusan cuti pegawai juga perlulah tepat dan mengikut peraturan terpakai agar ianya tidak akan menjejaskan kelayakan pegawai yang sepatutnya diterima atau diperolehi.

Bengkel Pengurusan Buku Perkhidmatan Kerajaan ialah bengkel komprehensif khusus untuk pegawai sumber manusia yang menguruskan Buku Perkhidmatan Kerajaan.

Objektif Program

Program ini bertujuan untuk

- Mendedahkan para pegawai kepada topik pengenalan seperti istilah, jenis dan lain-lain topik asas mengenai pengurusan cuti, gantian cuti rehat dan buku perkhidmatan.
- Mendapat kemahiran untuk mengurus dan mentadbir semua jenis Cuti di dalam Perkhidmatan dengan tepat dan betul.
- Menerangkan tanggungjawab Ketua Jabatan, dasar-dasar umum dalam pengurusan buku rekod perkhidmatan dan penyata perubahan;
- Menulis dengan betul dan tepat teknik-teknik penulisan buku rekod perkhidmatan dan penyata perubahan;
- Mengaplikasikan kemahiran dalam pengurusan rekod perkhidmatan yang efektif.

Hasil Pembelajaran

Selepas menghadiri kursus ini para peserta sudah boleh atau berpengetahuan tentang

- Asas pengurusan cuti, gantian cuti rehat dan buku perkhidmatan mengikut peraturan yang terpakai.
- Memahami dan mengaplikasikan peraturan yang terpakai dan dapat menyelaraskan kelayakan pegawai berdasarkan jenis-jenis cuti, gantian cuti rehat dan merekodkan dalam buku perkhidmatan.
- Mengaplikasikan teknik yang tepat dalam penulisan buku rekod perkhidmatan dan penyata perubahan;
- Mengaplikasikan pengetahuan pembelajaran di tempat kerja.

GOV0017 Pengenalan Mengenai Pengurusan Cuti, Gantian Cuti Rehat dan Buku Perkhidmatan

Kemaskini: 19 April 2019

© Humanology Sdn Bhd

Siapa Yang Patut Hadir?

Pegawai-pegawai pelaksana yang baru lantik dan pegawai yang akan terlibat secara langsung dalam proses pengurusan cuti dan buku perkhidmatan.

Metodologi

Kajian kes, perbincangan, pembentangan, gamifikasi

Kerangka Latihan

Masa	Hari Pertama
9.00am – 10.30am	• Pre-Test • Pengenalan Peserta • Pembahagian Kumpulan • Pengenalan Kepada Perintah Am Bab C - Cuti Dalam sesi ini, peserta akan didedahkan dengan topik pengenalan dan peraturan yang terpakai bagi pengurusan cuti dan gantian cuti rehat (GCR) Peserta akan diberikan tugas yang berkaitan untuk menilai kefahaman mereka
10.30am – 11.00am	Rehat dan Rangkaian
11.00am – 1.00pm	Memahami dan Mengaplikasikan peraturan yang terpakai dan Menyelaras kelayakan pegawai berdasarkan jenis-jenis cuti (Kajian Kes) Peserta dalam sesi ini akan didedahkan untuk menghubungkan peraturan dan menyelaras kelayakan pegawai mengikut jenis-jenis cuti. Pembentangan Kumpulan Peserta akan diberikan tugas melalui kajian kes yang berkaitan untuk menilai kefahaman mereka
1.00pm – 2.00pm	Makan Tengah Hari dan Rangkaian
2.00pm -3.30pm	Pengenalan Ganjaran Perkhidmatan, Pencen Perkhidmatan dan Award wang tunai Gantian Cuti Rehat Dalam sesi ini, peserta akan didedahkan dengan topik pengenalan dan peraturan yang terpakai bagi Pengenalan Ganjaran Perkhidmatan, Pencen Perkhidmatan dan Award wang tunai Gantian Cuti Rehat

GOV0017 Pengenalan Mengenai Pengurusan Cuti,Gantian Cuti Rehat dan Buku Perkhidmatan

Kemaskini: 19 April 2019

© Humanology Sdn Bhd

	Pembentangan Kumpulan Peserta akan diberikan tugas yang berkaitan untuk menilai kefahaman mereka
3.30pm – 4.00pm	Rehat dan Rangkaian
4.00pm – 5.00pm	Mendalami Isu-Isu berkaitan Kelayakan Cuti Pegawai dengan latihan berkumpulan (Kajian Kes) ‘Wrap-up’ Tajuk Cuti dan GCR yang telah dipelajari pada hari pertama Peserta akan diberikan tugas yang berkaitan untuk menilai kefahaman mereka

Masa	Hari Kedua
9.00am – 10.30am	‘Re-Call’ Tajuk Cuti dan GCR Pengenalan Buku Perkhidmatan Kerajaan Dalam sesi ini, peserta akan didedahkan dengan topik pengenalan dan peraturan yang terpakai bagi Buku Perkhidmatan Kerajaan
10.30am – 11.00am	Rehat dan Rangkaian
11.00am – 1.00pm	Kaedah Merekod : Kenyataan Peribadi & Kenyataan Perkhidmatan Dalam sesi ini, peserta akan didedahkan dengan topik berkaitan dan akan diberikan tugas merekod maklumat ke dalam Buku Perkhidmatan pegawai Pembentangan Kumpulan
1.00pm -2.00pm	Makan Tengah Hari dan Rangkaian
2.00pm -3.30pm	Kaedah Merekod : Kenyataan Cuti & Lembaran Kelakuan Dalam sesi ini, peserta akan didedahkan dengan topik berkaitan dan akan diberikan tugas merekod maklumat ke dalam Buku Perkhidmatan pegawai Pembentangan Kumpulan
3.30pm – 4.00pm	Rehat dan Rangkaian
4.00pm – 5.00pm	• Kesalahan-Kesalahan Lazim merekod Buku Perkhidmatan Kerajaan dan Rumusan • Post- Test Dalam sesi ini, peserta akan didedahkan dapatan yang menunjukkan kesalahan yang kerap terjadi ketika merekod Buku Perkhidmatan Kerajaan

GOV0017 Pengenalan Mengenai Pengurusan Cuti,Gantian Cuti Rehat dan Buku Perkhidmatan

Kemaskini: 19 April 2019

© Humanology Sdn Bhd

	Rumusan
--	---------